

Kerajaan sedia sebat pesalah sumbang mahram di khalayak ramai

11M 23 APR 2002

SEPANG 22 April - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia melaksanakan hukuman sebat terhadap pesalah sumbang mahram di khalayak ramai jika majoriti rakyat mengkehendaki penguatkuasaan undang-undang tersebut.

Tegas Perdana Menteri, meskipun cadangan pelaksanaan sebat itu merupakan pandangan peribadinya, beliau masih berpendapat hukuman keras perlu dikenakan ke atas mereka yang terbabit dalam jenayah berkenaan.

Ini kerana, katanya, mereka yang terbabit dalam jenayah sumbang mahram kelihatan seperti manusia yang tidak ada lagi perasaan malu dalam masyarakat.

"Itu pendapat saya tetapi kita tidak pernah sebat orang di khalayak ramai. Kalau rakyat nak dan semua bagi mandat pada kerajaan, kita boleh... (laksanakan hukuman sebat) sebab dia ini (pelakunya) dah tak ada malu, mencuri duit dari Tabung Haji pun tak malu...tak ada rasa malu lagi dalam masyarakat kita," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita sekembalinya dari lawatan kerja ke Maghribi, Libya dan Bahrain di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas sokongan pelbagai pertubuhan di negara ini terhadap cadangan supaya pesalah sumbang mahram dikenakan hukuman sebat sebagai langkah membendung jenayah tersebut daripada berleluasa.

Malah, menurut pemimpin pertubuhan-pertubuhan berkenaan, sudah sampai masanya gejala sumbang mahram ditan-

gani hingga ke akar umbi dengan mengenakan hukuman berat yang benar-benar berkesan supaya tiada yang berani melakukan jenayah terbabit selain memberi pengajaran kepada masyarakat.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa ada ketika-nya hukuman keras sahaja masih tidak mencukupi untuk membanteras sesuatu jenayah termasuk sumbang mahram.

Ini kerana pelaksanaan-nya sahaja tidak akan mampu membendung jenayah itu jika tidak disemai dahulu nilai-nilai murni Islam yang mencegah perbuatan buruk dari berlaku.

Politik

Malangnya, tegas beliau, dalam soal ini apabila kerajaan menekankan kepada keperluan memiliki nilai Islam yang sesuai dengan pembangunan, ada pihak lain pula mengalihnya kepada soal politik.

Menurut Dr. Mahathir, beliau amat sedih dan kecewa apabila mendapati penuntut yang disuruh belajar agama atau bidang dakwah lain memberi tumpuan kepada politik dan bukannya akhlak.

"Dengan itu, mereka tidak faham apa yang berdosa atau apa yang tidak, apa yang baik dan tidak baik. Sebab itu, mereka lakukan perbuatan amat keji ini (sumbang mahram) disebabkan pengetahuan agama begitu cetek," katanya.

Tegas Perdana Menteri: "Ini bermakna kalau kita adapun kemudahan untuk belajar agama di sekolah atau luar sekolah, tumpuan sebenarnya diberikan kepada politik dan soal ibadat tertentu sahaja. Ti-

dadak ada langsung latihan akhlak yang berkesan, maka kita dapati orang ini akan lakukan perbuatan yang keji."

Menurutnya, kerajaan sedar hukuman keras masih sukar menangani sesuatu jenayah umpamanya masih ada yang menyeludup dadah meskipun hukuman bunuh dikenakan terhadap mereka yang terlibat dalam jenayah tersebut.

"Kita berasa sedih kerana kejadian ini (sumbang mahram) banyak berlaku di kalangan orang Islam dan menampakkan akhlak orang Islam jauh sekali berbeza dengan ajaran Islam.

"Asyik politik sahaja dan kalau kita nak buat baik sahaja, ada ah kadi nak kritik kerajaan kata kita tidak Islamlah dan macam-macam. Jadi, kepercayaan kepada kerajaan berkurangan kerana ini," katanya.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, kertas cadangan untuk mengenakan hukuman sebat di khalayak ramai terhadap kesalahan sumbang mahram akan dikemukakan kepada kerajaan bulan depan.

Menurutnya, Jawatankuasa Penyelarasan Undang-Undang dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara sedang menyiapkan kertas cadangan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, jawatankuasa itu belum memutuskan sama ada hukuman sebat di khalayak ramai bermaksud menyebatkan pesalah di tempat umum atau dibuka kepada umum semasa hukuman dijalankan di penjara.